NOTA 4:
BASUHLAH BEKAS SEBELUM MENUANG MADU

Hayatilah kisah Nabi SAW...
Saat hendak diperjalankan ke masjidil Aqsa hingga langit ke tujuh,
Dada Baginda dibedah, dibasuh, dibilas, agar nur Ilahi di jiwa tak keruh,
Bukan kerana Baginda bernoda, tapi sebagai isyarat buat kita agar teguh;
Bahawa ruh yang ingin berbakti, harus kosong dari dosa yang keruh.

Sebagaimana wuduk itu syarat sebelum dahimu menyentuh sejadah,
Zahirnya mengalirkan air pada anggota, tapi hakikatnya menyucikan roh,
Begitulah ilmu pengubatan, ia bukan sekadar lisan yang penuh hikmah,
Andai hatimu belum 'berwuduk', rukyahmu hanyalah getaran yang lemah,

Justeru...
Buanglah “najis” jampi pawang dan bomoh yang penuh dusta,
Buanglah "isim" dan "khadam" kerana adalah racun yang berbisa,
Jangan kamu tuang madu kalam Allah ke dalam gelas yang sarat nista,
Sesuatu yang suci takkan mungkin bersatu dengan tuba yang akan membawa petaka.

Sebaliknya...
Jadikan zikrullah sebagai pengilat, buat menyental karat di cermin nurani,
Biar nama-Nya bergetar di sanubari, menguatkan rohanimu agar makin berani,
Zikrullah itu perisai agung, pelindung kukuh dari bisikan syaitani,
Barulah hembusanmu menjadi peluru, menghancurkan sihir yang mendatangi.

Perhatikanlah...
Hati sanubari perawat itu laksana cermin, yang akan menerima tajalli cahaya Ilahi,
Jika ia bersih, maka cahaya itu akan terpantul tepat tajam kepada jin & syaitan,
Namun jika hati kita kotor dengan 'najis' amalan khurafat dan 'daki' maksiat,
Kita ibarat memakai minyak wangi di atas badan yang penuh najis.
Baunya tetap busuk dan menarik kehadiran jin dan syaitan,
Maka pantulan cahaya itu malap, suram dan boleh jadi gelap
Maka jadilah kegelapan melawan kegelapan